

## Managing Director's Review

The vehicle market in Malaysia had another strong year, despite the uncertainty over the National Automotive Policy and the issue of Approved Permits ("AP's") that affected the importation of many CBU's during the last quarter of the year. The total market increased to 551,000 units, a 13% increase over the previous year. Once again, the non-national sector was the key driver with a 26% increase over 2004 to 201,000 units. The national sector recorded only a modest 7% growth. This growth reflected the strong performance of Perodua and Naza Kia. The non-national sector now represents 36% of the total market.

### Mercedes-Benz

Mercedes-Benz passenger cars continued to remain ahead of the competition in the luxury segment, despite a strong challenge from BMW in the first half of the year. Cycle & Carriage Bintang ("CCB") registered sales of 1,373 units. CCB also recorded sales of 107 Smart cars. The strong push by BMW and the intra-brand competition amongst the dealer network affected retail margins significantly. In addition, the run out of the S-Class and impending facelift of the E-Class further dampened margins. However, with tighter expense control, the sales of Mercedes-Benz made a satisfactory contribution to the Group's earnings in 2005.

After-sales continued to improve in terms of customer satisfaction, sales and contribution, despite increased operating costs.



## Managing Director's Review

The Group continued to invest in its Mercedes-Benz facilities. In December, CCB opened its second and largest Autohaus in Petaling Jaya, built at a cost of RM25 million. The ceremony was officiated by the Deputy Prime Minister, YAB Dato' Seri Najib Tun Razak. The third Autohaus, established in Mutiara Damansara was launched on 15th March 2006, and will be followed by a redevelopment of our Johor Bahru facility.

In December, CCB disposed of its Kuching dealership in line with DaimlerChrysler Malaysia's rationalisation plan.

### **Mazda**

Mazda sales grew by 9% over 2004 attributable to a strong performance by the Fighter 4x4 pick up whose market share in East Malaysia moved to 10%. However, volumes were held back by a lack of supply of passenger cars, in particular the highly successful Mazda 3. This car, along with the Mazda 5 and facelift Mazda 6 will only arrive in 2006. The strength of the Japanese Yen during the first half of 2005 put pressure on margins and the run out of the current Fighter affected the second half of 2005. Notwithstanding the short term issues, the franchise is well positioned for the future and will provide good opportunities for growth in the years to come.

### **Peugeot**

2005 was a successful year for the Peugeot franchise. 704 units were registered, the best performance since Cycle & Carriage Automobiles ("CCA") took over the distribution. The growth was driven by the successful introduction of the Peugeot 407 and this car continues to do well in the executive segment.

A consequence of the strong first half performance was a lack of AP's for the second half and many cars were held up as a result of the controversy surrounding the allocation. Had AP's been freely available, the result would have been even stronger.

A strong Euro in the first half put pressure on margins, but the Dollar's rebound in the second half allowed for some recovery. With new products in 2006, the outlook is encouraging.

In September, CCA entered into an agreement with Automobiles Peugeot and Naza Corporation to manage the after-sales activities for a new car to be built for Naza Corporation by Naza Automotive Manufacturing. Based on the highly successful Peugeot 206, this locally produced vehicle will enjoy a high level of local content and should provide for a significant volume of sales. The first cars will be available in mid 2006 and should provide incremental income for CCA in the years to come.

### **Assembly**

The assembly of Mercedes-Benz passenger cars and commercial vehicles at Asia Automobile Industries came to an end in July 2005. The closure resulted in the retrenchment of 265 staff, the costs of which were accounted for in 2004.

### **Cycle & Carriage Malaysia (“CCM”)**

CCM had a very challenging trading year with both volume and margin coming under pressure due to the number of dealers operating in its territory. Proton sales fell once again and there was a drop in the sales of both Kia and Hyundai. The parts wholesale business performed well and is a focus for further development in 2006.

### **Automotive Services**

During late 2005, CCB entered into a distribution arrangement with I-Mob, a UK based provider of anti theft car security systems. The product, highly successful in markets across the world, has been introduced by CCB in response to the growing problem of car theft. The Company plans to support Government initiatives to curb these criminal activities and to protect its customers and will continue to explore other automotive products and services to offer to the wider motoring public.

### **CCL Group Properties**

Subsequent to the disposal of Menara Weld in 2004 and Wisma Cyclecarri in January 2005, CCL Group Properties commenced members’ voluntary liquidation on 1 July 2005.

### **Outlook**

Despite a highly competitive market and continued uncertainty surrounding the future direction of the industry, the Group’s businesses are well positioned to take advantage of the opportunities that emerge. The restructuring efforts of the last three years have resulted in a more cost effective and flexible structure from which growth and development can now be addressed.

Steven Gareth Foster  
Managing Director

## Tinjauan Pengarah Urusan

Pasaran kenderaan di Malaysia telah melalui satu lagi tahun yang kukuh walaupun wujud ketidakpastian berhubung Dasar Automotif Negara dan isu Kelulusan Permit ("AP") yang telah menjejaskan import pelbagai kenderaan CBU pada suku tahun terakhir. Jumlah pasaran melonjak sebanyak 13% kepada 551,000 unit berbanding tahun sebelumnya. Sektor bukan nasional sekali lagi menjadi pendorong utama dengan peningkatan pada kadar 26% berbanding tahun 2004 kepada 201,000 unit. Sektor nasional pula hanya mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 7% yang merupakan gambaran terhadap prestasi teguh Perodua dan Naza Kia. Kini, sektor bukan nasional meliputi 36% daripada jumlah pasaran.

### **Mercedes-Benz**

Walaupun menghadapi saingan sengit daripada BMW pada setengah tahun pertama, namun kereta penumpang Mercedes-Benz terus kekal sebagai peneraju persaingan dalam segmen kereta mewah dengan Cycle & Carriage Bintang ("CCB") mencatat jualan sebanyak 1,373 unit. CCB turut mencapai jualan sebanyak 107 unit kereta Smart. Dorongan yang sengit daripada BMW dan persaingan antara jenama di kalangan rangkaian wakil penjual telah menjejaskan margin runcit dengan ketara. Selain itu, kehabisan stok S-Class dan modifikasi luaran E-Class yang masih dalam proses telah melemahkan lagi margin. Walau bagaimanapun, dengan kawalan perbelanjaan yang lebih ketat, jualan Mercedes-Benz telah mencatat sumbangan memuaskan kepada pendapatan Kumpulan pada tahun 2005.

Sungguhpun mengalami kos operasi yang semakin meningkat, namun prestasi selepas jualan terus meningkat dari sudut kepuasan pelanggan, jualan dan sumbangan.

Pelaburan Kumpulan dalam ruang pameran Mercedes-Benz diteruskan. Pada bulan Disember, CCB telah membuka Autohaus kedua dan yang terbesarnya di Petaling Jaya yang dibina dengan kos RM25 juta. Majlis pelancaran tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Najib Tun Razak. Sementara itu, Autohaus ketiga yang dibina di Mutiara Damansara pula dilancarkan pada 15 Mac 2006, diikuti oleh pembangunan semula kemudahan kami di Johor Bahru.

Pada bulan Disember, sejajar dengan rancangan rasionalisasi DaimlerChrysler Malaysia, CCB telah menjual wakil jualan di Kuching.



### **Mazda**

Jualan Mazda telah tumbuh sebanyak 9% berbanding tahun 2004 hasil daripada prestasi kukuh pikup 4x4 Fighter dengan bahagian pasarannya di Malaysia Timur meningkat kepada 10%. Walau bagaimanapun, volum jualan telah dilembapkan oleh kekurangan bekalan kereta penumpang, khususnya model Mazda 3 yang telah mencapai kejayaan pasaran menggalakkan. Model tersebut, bersama-sama dengan Mazda 5 dan modifikasi luaran Mazda 6, akan tiba di Malaysia hanya pada tahun 2006. Kekukuhan Yen Jepun pada setengah tahun pertama 2005 telah memberi tekanan kepada margin dan kekurangan bekalan Fighter pula telah mempengaruhi prestasi pada setengah tahun kedua 2005. Walaupun menghadapi isu-isu jangka pendek tersebut, namun francais ini tetap berada di kedudukan yang baik untuk prestasi masa depan dan akan menyediakan peluang pertumbuhan yang menggalakkan untuk tahun-tahun yang akan datang.

## Tinjauan Pengarah Urusan

### **Peugeot**

2005 adalah satu tahun yang menggalakkan bagi francais Peugeot. Jualan sebanyak 704 unit telah dicatat pada tahun ini merupakan prestasi terbaik Cycle & Carriage Automobiles ("CCA") sejak ia mengambilalih pengedaran kereta jenama tersebut. Pertumbuhan ini didorong oleh kejayaan pengenalan Peugeot 407 yang terus mencatat prestasi memberangsangkan dalam segmen kereta eksekutif.

Natijah daripada prestasi kukuh pada setengah tahun pertama adalah kekurangan AP bagi setengah tahun kedua dan sejumlah kereta telah ditahan disebabkan oleh kontroversi yang melanda isu pengagihan AP. Jika pemberian AP berada di tahap sebelumnya, keputusan yang dicatat pasti akan menjadi lebih kukuh.

Kekukuhan matawang Euro pada setengah tahun pertama telah memberi tekanan ke atas margin, namun pengukuhan semula Dollar pada setengah tahun kedua telah menghasilkan pemulihan. Dengan ketibaan produk-produk baru pada tahun 2006, suasana masa depan dijangka menggalakkan.

Pada bulan September, CCA telah memeterai perjanjian dengan Automobiles Peugeot dan Naza Corporation untuk menguruskan aktiviti-aktiviti selepas jualan bagi satu model kereta baru yang akan dibina untuk Naza Corporation oleh Naza Automotive Manufacturing. Berdasarkan kejayaan Peugeot 206 yang menggalakkan, kenderaan yang dikeluarkan secara tempatan ini akan menikmati tahap kandungan tempatan yang tinggi dan akan menyediakan volum jualan yang besar. Kumpulan kereta pertama dijangka akan berada di pasaran pada pertengahan tahun 2006 dan akan mampu menjana peningkatan pendapatan bagi CCA pada tahun-tahun yang akan datang.

### **Pemasangan**

Pemasangan kereta penumpang dan kenderaan komersial Mercedes-Benz di Asia Automobile Industries telah ditamatkan pada bulan Julai 2005. Penamatan tersebut telah menyebabkan pemberhentian kerja 265 orang kakitangan yang melibatkan kos yang telah diambilkira pada tahun 2004.

### **Cycle & Carriage Malaysia (“CCM”)**

CCM mengalami satu tahun perdagangan yang amat mencabar di mana volum dan margin mengalami tekanan disebabkan oleh bilangan wakil penjual yang beroperasi di sekitar kawasan berhampirannya. Sekali lagi jualan Proton telah merosot dan begitu juga jualan Kia dan Hyundai. Walau bagaimanapun, perniagaan borong alat ganti telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan dan menjadi tumpuan untuk pembangunan selanjutnya pada tahun 2006.

### **Perkhidmatan Automotif**

Pada akhir tahun 2005, CCB telah memeterai perjanjian pengedaran dengan I-Mob iaitu sebuah penyedia sistem keselamatan anti kecurian kereta yang beribu pejabat di UK. Produk tersebut yang memperolehi kejayaan besar dalam pasaran di seluruh dunia, telah diperkenalkan oleh CCB sebagai tindak balas terhadap masalah kecurian kereta yang semakin meningkat. Syarikat merancang untuk memberi sokongan kepada usaha Kerajaan membanteras aktiviti jenayah ini serta melindungi para pelanggannya dan akan terus mencari produk dan perkhidmatan automotif lain untuk ditawarkan kepada komuniti pemilik kenderaan yang lebih luas.

### **CCL Group Properties**

Selepas penjualan Menara Weld pada tahun 2004 dan Wisma Cyclecarri pada bulan Januari 2005, CCL Group Properties telah memulakan pencairan sukarela ahli pada 1 Julai 2005.

### **Suasana Masa Depan**

Walaupun hala tuju masa depan industri dipenuhi dengan persaingan sengit pasaran dan kesinambungan keadaan ketidakpastian, namun perniagaan Kumpulan tetap berada di kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang yang mendatang. Usaha penyusunan semula sejak tiga tahun yang lalu telah menghasilkan struktur yang fleksibel dan lebih efektif dari segi kos, membolehkan usaha kearah mencapai pertumbuhan dan pembangunan dilaksanakan.

Steven Gareth Foster  
Pengarah Urusan